

MT: PM bincang dengan Pak Lah

BH 30 MAY 2000

KUALA LUMPUR, 29 Mei — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan berbincang dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebelum menentukan 10 anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan dilantik.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, beliau perlu membuat keputusan dengan teliti kerana ramai pemimpin yang layak untuk dipertimbangkan ke jawatan itu.

“Saya berpendapat, saya mahu berbincang dengan beliau (Abdullah) sebelum membuat keputusan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kelima, di Hotel Shangri-La di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan berhubung pelantikan 10 anggota majlis itu. Mesyuarat pertama MT selepas pemilihan parti dijangka diadakan pada 6 Jun depan.

Sebagai Presiden parti, Dr Mahathir boleh melantik 10 anggota MT tambahan kepada 25 anggota yang dipilih perwakilan pada Persidangan Agung Umno, baru-baru ini.

Dr Mahathir juga berkata, Menteri Besar dan Ketua Menteri yang tewas pada pemilihan parti baru-baru ini tidak boleh mengharapkan mereka akan dipilih secara automatik sebagai ahli MT.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh melantik kesemua mereka kerana jumlah kerusi untuk jawatan itu adalah terhad.

“Banyak orang sepatutnya menjadi anggota MT, tetapi kita ada tempat terhad jadi kita tidak boleh lantik begitu ramai,” katanya.

Menteri Besar yang tewas dalam perebutan jawatan Naib Presiden ialah Datuk Abdul Ghani Othman (Johor) Tan Sri Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan) dan Datuk Seri Abu Hassan Omar (Selangor) serta Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, pula gagal dalam perebutan jawatan ahli MT, manakala Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain, tidak bertanding sebarang jawatan.

Mengenai laporan lida rasmi parti, **Wawasan Merdeka**, bahawa tiga wakil Pergerakan Wanita Umno termasuk bekas Ketuaanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, akan dilantik sebagai ahli MT, Dr Mahathir berkata, ia hanya spekulasi saja.

“Kita benarkan spekulasi,” katanya.

Mengenai kedudukan ketua penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor yang memenangi kerusi MT pada pemilihan parti baru-baru ini, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan berhubung perkara itu.

“Lazimnya ketua penerangan diganti bila beliau sudah memenangi sesuatu jawatan tertinggi parti seperti Majlis Tertinggi Umno,” katanya.